



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 5 APRIL 2019**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	BAHANA BENIH PADI HARAM, DALAM NEGERI, UM – 3 PESAWAH AKUI BEKALAN BENIH PADI TIDAK TERJAMIN, DALAM NEGERI, UM – 3 PETANI SEMAKIN HILANG KEPERCAYAAN BENIH PADI SAH, DALAM NEGERI, UM – 3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4.	JPVS SAHKAN SEEKOR KUCING POSITIF RABIES, SETEMPAT, HARIAN METRO – 20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5.	BUAH-BUAHAN MURAH-MURAH, MY METRO – ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	SEHARI DILANTIK, HUSAM BUAT LAWATAN MENGEJUT, MALAYSIA KINI - ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
7. 8. 9. 10.	ANCAMAN MOKO, SETEMPAT, HARIAN METRO – 23 PERUT IKAN PAUS TERBURAI DI PANTAI, NEGARA, UM – 8 BUBU LESAP ANGKARA PERBUATAN KHIANAT, DALAM NEGERI, UM – 11 POLI ORGANIK DALAM POLIBEG, SETEMPAT, HARIAN METRO - 22	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

5/4/2019

UM

DALAM  
NEGERI

3

## Pesawah akui bekalan benih padi tidak terjamin

**KUALA LUMPUR 4 April** - Penanam padi mengakui bekalan benih padi yang diperoleh daripada pengedar swasta tidak terjamin kualiti berbanding bekalan yang diterima dari Jabatan Pertanian.

Menurut, Mohamed Sharif Muah, 80, dari Kampung Sawah Sempadan, Tanjung Karang, Selangor, sudah timbul masalah ditakuti pesawah apabila penanaman benih itu menyebabkan penyakit pokok.

"Tanaman padi di beberapa petak sawah diserang penyakit terutama serangan ulat batang. Hasil di sawah saya mungkin merudum. Lebih memeritkan, saya terpaksa menanggung kerugian besar setiap musim," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, seorang lagi pesawah, Abd. Rashid Said, 66, dari kampung sama mendedahkan, penanam padi kini dalam dilema dengan kehadiran padi tidak sah berkenaan.

"Kami ragu dengan bekalan padi daripada segelintir wakil swasta apabila harganya begitu murah berbanding benih biasa dan pek guni yang digunakan 'kosong' tanpa sebarang cap atau label.

"Mungkin disebabkan kelompongan itu, tiba sahaja waktu menuai, pertumbuhan pokok kurang memuaskan dan benih padi berkenaan akan menghasilkan padi angin (padi yang gugur sebelum tempoh matang)," katanya.



MOHAMED SHARIF MUAH



ABD. RASHID SAID

Berisiko jadi pemangkin penyakit BPB

# Bahana benih padi haram

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**  
penarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 4 APRIL**

**P**ENGUNAAN benih tidak sah yang berisiko membawa penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) bakal menjadi pemangkin kepada penyebaran penyakit tersebut ke tapak-tapak sawah seluruh negara.

Malah apa yang lebih membimbangkan, sehingga kini tiada racun kimia yang berkesan untuk tujuan kawalan sekali gus serangan serius di kawasan penanaman akan menyebabkan petani kehilangan hasil hampir 80 peratus.

Bayangkan sekiranya benih tidak sah berpenyakit BPB ditanam secara berleluasa, kesannya amat berbahaya berikutan hasil pengeluaran padi negara akan merosot seterusnya bekalan beras akan berada pada tahap kritikal.

Penyakit BPB mula dikesan di negara ini di Sungai Acheh, Sebarang Prai Selatan, Pulau



Bekalan beras tempatan berisiko merosot ekoran ramai penanam padi cenderung guna benih tidak terjamin hasil bekalanannya.

Penggunaan benih 'haram' tidak mematu piawai Jabatan Pertanian.

Benih tidak diuji kualitinya ketupatannya bertahan di pada serangan penyakit.

Petani didorong harga murah kononnya mahu imik kos operasi.

**KERATAN Utusan Malaysia semalam.**



JAMAL HARIZAN YANG RAZALI

Utara, Selatan dan Amerika Tengah, Afrika dan Asia seperti Jepun, Korea, Vietnam, Filipina, India, Sri Lanka, China, Indonesia termasuk negara kita.

"BPB ini merupakan satu ancaman besar terhadap industri padi negara memandangkan buat masa ini, semua varieti yang ditanam tidak rintang terhadap penyakit ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Hari ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, penggunaan benih padi tidak sah bakal memberi ancaman terhadap bekalan beras negara khususnya melibatkan soal pengeluaran hasil se-

lain berhadapan dengan risiko tinggi luar jangka seperti pembawaan penyakit

Malah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub turut memberikan amaran terakhir kepada syarikat dan pihak yang terlibat dengan aktiviti pembekalan benih tidak sah supaya menghentikan kegiatan mereka.

Sehubungan itu, Jamal Harizan mengulas lanjut, susulan insiden itu, pihak jabatan sudah menjalankan mesyuarat Jawatankuasa pasukan petugas dan teknikal BPB bagi menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi tujuan pembendungan dan penghapusan BPB.

"Antara faktor yang menggalakkan penyebaran penyakit ini adalah daripada penggunaan benih padi berpenyakit khususnya yang tidak sah selain faktor cuaca.

"Maka langkah segera wajar diambil oleh pesawah adalah supaya kuarantin kawasan serangan, musnahkan sumber penyakit termasuk memotong selang padi dan membakarnya selain membersihkan jentera supaya bakteria tersebut tidak merebak," ujarnya.

## Petani semakin hilang kepercayaan benih padi sah

**ALOR SETAR 4 April** - Kecenderungan pesawah di seluruh negara menggunakan benih padi haram pada masa ini disebabkan tahap pertumbuhan dan pengeluaran hasil daripada benih sah yang dikeluarkan pihak dikitari kerajaan semakin rendah dan diragui.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman (gambar) ketika mendedahkan perkara tersebut berkata, maka sebab itu, para pesawah kini memilih untuk menggunakan benih padi tidak sah walaupun hasilnya belum terbukti.

Malah beliau berkata, terdapat golongan berkenaan yang menyimpan padi ditanam mereka sendiri, untuk dijadikan benih.

"Sebelum ini, benih padi sah dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian mempunyai tahap pertumbuhan dan hasil pengeluaran yang baik tetapi kini tidak lagi (semakin rendah)."

"Mereka (pesawah) me-

ngesyaki kilang memproses padi (yang diberikan kuota menghasilkan benih padi sah) menggunakan hanya padi biasa untuk dijadikan benih sah bagi mengaut keuntungan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Ketua Pengerah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali hari ini bahawa negara bakal mengalami kemerosotan bekalan beras tempatan berikutan ramai penanam padi di seluruh negara dikesan semakin cenderung menggunakan benih tidak sah yang tidak terjamin hasil pengeluarannya.

Bagaimanapun, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub semalam turut tidak menafikan ada di antara sembilan syarikat yang dilantik menjadi pembekal benih sah bertindak memanipulasi kontrak dengan membekalkan benih tidak sah menggunakan pek guni yang diperuk oleh kerajaan.



### INFO

#### Keluasan serangan Penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) tahun 2017 hingga 2019 mengikut negeri-negeri Semenanjung:

NEGERI	KAWASAN SERANGAN	KELUASAN SERANGAN (HEKTAR)
Pulau Pinang	Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Utara, Lahar Tembung	31.00
Terengganu	Ketara	44.40
Kedah	Langkawi, Jitra, Alor Setar	11.41
Perak	Kerian, Sungai Manik	119.45
Melaka	Melaka Tengah	0.40
Kelantan	Ketereh	0.80
Selangor	Sg. Panjang, Sg. Leman, Pasir Panjang, Sg. Nipah, Panchang Bedena, Sg. Terap	5,946.70
Perlis	Kampung Chermal, Kg. Tebok, Kg. Guar Saraji, Kg. Hutau Khandis, Kubang Gajah	125.94
Pahang	Rompin	46.00
Johor	Tangka	0.40
Negeri Sembilan	Kuala Pilah	2.60

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	20

## Kuching

### JPVS saahkan seekor kucing positif rabies

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) mengesahkan hanya seekor kucing dikesan positif virus rabies di Kampung Tambirat, Kota Samarahan.

Pengarahnya, Dr Adrian Susin Ambud berkata, perkembangan terbaharu penularan wabak rabies terhadap haiwan selain anjing itu dikesan selepas ujian *Direct Fluorescent*

*Antibody Test (EAT)* yang dilakukan terhadap tisu otak kucing berkenaan di Makmal Diagnostik Veterinar Sarawak mendapati ia positif rabies.

"Kes itu dikesan apabila seekor kucing liar dilanggar kereta di Kampung Tambirat, Kota Samarahan.

"Pemandu kereta terbabit cuba mengambil kucing itu untuk

menyelamatkannya namun dia pula yang digigit oleh haiwan itu," katanya.

Dr Adrian berkata, pemandu kereta terbabit sudah mendapatkan rawatan dan suntikan antirabies di hospital berdekatan dengan pemantauan kini dijalankan untuk mengenal pasti keadaannya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2019	MY METRO	ONLINE	

## Buah-buahan murah-murah



LEMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang mensasarkan lebih 50 tan pelbagai buah-buahan tempatan dapat dijual dalam tempoh empat hari, bermula semalam melalui program jelajah promosi Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) peringkat negeri di Berjaya Megamall, Kuantan.

Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Ladang Kontrak) FAMA, Rashiha Mamat berkata, seramai 15 usahawan tempatan dan luar terbabit pada program kali ini yang memberi peluang kepada pengguna mendapatkan buah

segar terus dari ladang pada harga antara lima hingga 20 peratus lebih murah.

Katanya, selain durian jenis kampung, klon dan Musang King keluaran negeri ini, turut dijual ialah tembikai, jagung, nangka, buah naga, mangga, nanas, ubi kayu, jambu, halia Bentong dan limau.

"Semua buah-buahan dijual pada harga yang sangat menarik dan berpatutan, sebagai contoh durian kampung dijual RM15 setiap kilogram (kg); nanas (RM5/kg); tembikai (RM2/kg) dan halia Bentong (RM20/kg).

"Kita (FAMA) berharap pengguna tidak melepaskan peluang untuk datang dan mendapatkan buah-buahan digemari tanpa perlu berbelanja lebih," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Program jelajah promosi JTDL peringkat negeri akan dirasmikan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak, esok.

Rashiha berkata, program berkenaan turut menawarkan pelbagai hadiah melalui cabutan nombor bertuah bagi pengunjung. Katanya, aktiviti jualan bermula 10 pagi hingga 10 malam dan pada program itu turut diadakan jualan produk Agromas dan beberapa jenis sayuran segar dan ulaman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

## Sehari dilantik, Husam buat lawatan mengejut



Sehari selepas dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Senator Husam Musa terus bertindak drastik bagi menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja di agensi itu.

Malah, beliau mengambil kesempatan dengan mengadakan lawatan mengejut ke beberapa bahagian pengurusan Kada, semalam.

Dalam catatan ringkas di Facebook semalam, beliau dilaporkan membuat lawatan ke Pusat Kejenteraan Ladang dan Pusat Latihan Kada yang terletak di Melor, Kota Bharu. Difahamkan, sesi lawatan itu dibuat secara spontan sekali gus sedikit-sebanyak mengejutkan kakitangan pengurusan agensi berkenaan.

Ketika dihubungi Malaysiakini, Husam berkata, selepas dilantik beliau mengambil kesempatan untuk membiasakan diri dan memahami dengan lebih dekat bidang kerja dan operasi Kada. "Ya saya membuat lawatan ini sebagai sesi suaikenal bagi memahami operasi Kada. Saya sempat melawat ke bengkel jentera pertanian, Kada Resort, Pejabat Kada Kota Bharu Selatan dan Rumah Pam Kemubu.

"Saya dapati terdapat kuanters dan bangunan Kada Resort yang terbiar kerana tiada kakitangan yang tinggal di situ dan operasi Kada Resort sudah diberhentikan. "Namun tumpuan lawatan saya adalah untuk mengetahui operasi Kada secara lebih dekat," katanya. Husam yang juga pengerusi PH Kelantan dilantik ke jawatan itu oleh menteri pertanian dan industri asas tani dengan perkenan Yang di-Pertuan Agong berkuat kuasa 1 Mac lalu.

Sementara itu, mengulas mengenai pengoperasian Rumah Pam Kemubu yang terpaksa ditutup sejak dua minggu lalu katanya, ia kini kembali dibuka untuk membekalkan air ke kawasan pertanian Kada. "Dua minggu Rumah Pam Kemubu terpaksa ditutup kerana air berada di bawah paras 2.9 meter. Kelmarin paras air meningkat pada paras 3.5 meter dan semalam rumah pam ini kembali dibuka apabila paras air meningkat kepada 4.9 meter." Sistem saliran air dan industri padi akan ditambah baik dan hasrat kementerian didukung sepenuhnya oleh Kada untuk merealisasikan dasar our food our future dalam usaha memperkasakan program Food Security negara.

"Justeru, pengemblengan tenaga, idea dan kepakaran daripada semua pihak diperlukan bagi menjayakan usaha ini," katanya.

## HARIAN METRO



KEADAAN pokok pisang nangka yang rosak diserang penyakit.

# Ancaman moko

## ■ Petani kerugian pisang diserang penyakit

Hassan Omar  
news@nstp.com.my

### Aler Gajah

**L**ayu bakteria atau moko dikesan menyerang hasil tanaman pisang kebanyakan petani di sekitar Masjid Tanah di sini.

Petani yang mengusahakan tanaman pisang nangka, nipah dan berangan mendakwa kerugian selepas mendapati hasil tanaman mereka rosak akibat diserang penyakit itu sejak setahun lalu.

Difahamkan, ancaman penyakit itu tambah serius pada musim kemarau sejak Januari lalu dan ketika ini, kekurangan air menyebabkan bakteria terabit merebak dengan lebih cepat.

Mohd Tamin عثمان, 64, yang mengusahakan kebun seluas 1.2 hektar dengan tanaman pisang, nenas, cempedak, durian, limau nipis, rambutan dan nangka tidak terkecuali daripada mengalami serangan moko.

"Sejak setahun lalu, pisang nangka, nipah dan berangan musnah akibat penyakit itu dan saya mengambil langkah memindahkan anak pisang yang sudah direndam dalam racun dan bahan peluntur ke kebun lain tetapi tetap tidak menjadi.

"Selain bahagian dalam batang pisang membusuk dan menjadi hitam, kesan sama didapati pada buah pisang apabila bahagian dalamnya berwarna hitam menunjukkan ia sudah rosak," katanya ketika ditemui di kebunnya di Kampung Seri Tanjung, Masjid Tanah di sini, semalam.

Katanya, pokok pisang lang dan tanduk mempunyai daya tahan penyakit yang lebih baik berbanding pisang nangka, nipah dan berangan namun kedua-dua pisang itu menghadapi masalah batang pokok mudah patah akibat kekurangan air pada musim kemarau.

Mohd Tamin yang mengusahakan kebun berkenaan sejak lima tahun lalu berkata, penyakit berkenaan tidak mudah untuk diatasi dengan penggunaan racun atau baja, sekali gus menyebabkan pokok yang sudah dihingapi penyakit terpaksa dimusnahkan.

Sementara itu, sumber Jabatan Pertanian yang dihubungi berkata, penyakit Mo-

ko berpunca daripada jangkitan bakteria *Raistonia Solanacearum* yang ada dalam tanah dan boleh hidup antara dua hingga tiga tahun.

Menurutnya, Moko adalah penyakit berbahaya bagi pokok pisang dan setakat ini tiada rawatan khusus yang mampu mengubati jangkitan penyakit itu.

Katanya, sehubungan itu, petani diminta memusnahkan semua pokok dijangkiti dan melaksanakan Amalan Pertanian Baik dengan tidak menanam pisang selama beberapa tahun.

"Selain itu, kawasan berkenaan perlu dikuarantin selama 18 hingga 24 bulan bagi mengurangkan pertumbuhan bakteria dalam tanah," katanya.

### FAKTA

Bahagian dalam batang dan buah pisang busuk dan menjadi hitam



MOHD Tamin menunjukkan pisang yang rosak akibat penyakit.

Orang awam turut temui bangkai ikan lumba-lumba terdampar di Kuala Tebengau

# Perut ikan paus terburai di pantai

**A**LOR SETAR - Bangkai seekor ikan paus dengan anggaran berat 1.5 tan dan seekor ikan lumba-lumba seberat 250 kilogram ditemui terdampar di Pantai Kuala Sala, Yan di sini semalam.

Pengarah Perikanan Negeri Kedah, Abdul Halim Marzuki berkata, bangkai ikan paus itu dijumpai orang awam dalam keadaan perutnya terburai manakala bangkai ikan lumba-lumba ditemui kira-kira tujuh kilometer dari lokasi ikan paus.


"Bagaimanapun, jantina dan spesies kedua-dua ikan itu hanya dapat dipastikan selepas proses bedah siasat dijalankan



KAKITANGAN Cawangan Perindangan Sumber Pejabat Perikanan Negeri Kedah memeriksa bangkai seekor ikan lumba-lumba yang ditemui di Pantai Kuala Sala, Yan semalam.

oleh pakar dari Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Rantau Abang, Dungun, Terengganu, esok (hari ini).

"Penemuan seperti ini boleh dikatakan setiap tahun ada tetapi belum pernah lagi berlaku kedamparan dua jenis ikan



KEADAAN seekor ikan paus terdampar dalam keadaan perut terburai kira-kira tujuh kilometer dari lokasi seekor ikan lumba-lumba ditemui semalam.

mamalia ini serentak pada hari sama," katanya ketika dihubungi *Bernama* semalam.

Abdul Halim berkata, pihak itu terdampar di pantai tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2019	UM	DALAM NEGERI	11

## Bubu lesap angkara perbuatan khianat



**MARANG 4 April** - Kesempitan hidup nelayan di daerah ini khususnya nelayan pesisir pantai dengan mencari rezeki menggunakan bot gentian kaca sekitar dua hingga lima batu nautika di perairan umpama sudah jatuh ditimpa tangga.

Ini kerana, selepas sumber pendapatan mereka di laut terhenti sepanjang musim tengkujuh, kini mereka terpaksa pula berdepan dugaan apabila bubu yang telah ditanda dan diletak di tengah laut didapati hilang.

Meskipun ia merupakan fenomena biasa dihadapi kebanyakan nelayan pesisir, tetapi kali ini bubu yang hilang akibat perbuatan tidak bertanggungjawab nelayan lain khususnya bot pukut tunda tidak berlesen yang dipercayai mengerat tanda bubu tersebut.

Seorang nelayan bubu sotong, Suhaimi Abdul Ghani, 54, dari Kampung Darat Pak Chan di sini, berkata, dia tidak ke laut ketika angin kencang dan laut bergelora sepanjang musim tengkujuh kerana faktor keselamatan.

"Setiap kali musim tengkujuh saya hanya berehat dan melakukan kerja-kerja membaiki serta membersihkan teritip yang terlekat pada bubu. Sebaik keadaan laut kembali tenang, barulah saya kembali menjalankan kerja-kerja mengangkat sebahagian lagi bubu-



SUHAIMI ABDUL GHANI membersihkan baki bubu miliknya di Marang, semalam.

bubu yang masih masih berbeki di laut.

"Malangnya, selepas berehat panjang, kebanyakan nelayan seperti saya terpaksa berdepan pula dugaan bubu-bubu yang bertandakan pelampung sebelum ini telah hilang sama ada hanyut dibawa arus kuat atau pun diheret oleh nelayan pukut tunda luar tidak berlesen.

"Apa yang mengecewakan, ada juga sesetengah nelayan lain bertindak memotong tali pelampung bubu," katanya ketika ditemui di Hujung Kuala Seberang Marang di sini hari ini.

Menurut Suhaimi, ekoran itu dia dan rakan-rakannya berputih mata setiap kali keluar ke laut, malah beban terus bertambah setelah kehilangan bubu berkenaan.

"Rezeki saya hanya tertumpu di laut, hasil pendapatan tidak menentu. Nak mengharapkan hasil pendapatan melalui bubu sotong ini semata-mata sudah tentu sukar bak kata orang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kerana ada kalanya saya terpaksa balik tangan kosong apabila berlakunya kejadian bubu hilang di laut," keluhnya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/4/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	22

# Padi organik dalam polibeg

■ Petani dapat ilham inovasi bercucuk tanam daripada rutin bacaan tafsir al-Quran

Noorzura Abdul Rahman  
arn@metro.co.my

22

Rutin membaca al-Quran bersama tafsirnya memberi idea kepada seorang petani melakukan inovasi tanaman padi di dalam polibeg selepas hampir lima tahun menanam padi organik di sawah seluas seribuan hektar.

Zakaria Kamantasha, 53, berkata, inovasi itu dilakukan sejak September 2014 selepas mendapat ilham daripada ayat 261 Surah al-Baqarah yang menyebut mengenai menanam biji benih.

"Maksud ayat itu adalah (perumpamaan bagi orang mendermakan hartanya pada jalan Allah sama seperti biji benih yang memunculkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji, Allah melipat-gandakan pahala bagi sesapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (rahmat) dan lagi Maha Mengetahui).

"Selepas memahami ayat itu, saya sedar tanaman padi tidak semestinya di atas tanah yang luas sedangkan Allah menyebut biji boleh ditanam satu persatu dan saya memilih untuk tanam dalam polibeg," katanya ketika ditemui di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik di sini, ser malam.

Zakaria berkata, setiap benih ditanam mengeluar



ZAKARIA melihat padi organik yang ditanamnya di dalam polibeg di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik.

70 hingga 80 tangkai yang boleh menghasilkan kira-kira 12,600 biji padi lattu seberat 350 gram.

Katanya, penanaman padi di dalam polibeg masih menggunakan cara tanaman organik dan mengambil masa sama seperti tanaman biasa lattu 110 hari.

"Setiap musim saya akan menanam di dalam 300 po-

libeg dengan hasil 90 kilogram (kg). Proses menanam ini tidaklah serumit tanaman biasa yang memerlukan perhatian yang lebih, dalam polibeg saya hanya perlu menyiram dan menabur baja dan racun organik.

"Antara lain, ia tidak memerlukan ruang yang luas dan boleh ditanam di mana saja walaupun di kawasan

bandar. Kini inovasi yang saya lakukan turut dikongsi dengan Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dan mereka menanamnya di atas bumbung di salah satu pusat pengajian di sana," katanya yang juga Felo Disuster Management Institute (DMI), Universiti Utara Malaysia (UUM).

Bagaimanapun, ketika tri-

tralia dan Singapura.

Mereka sanggup menjadi sukarelawan sebagai petani bagi mendapatkan ilmu secara praktikal sebelum dibawa balik ke negara asal.

Antaranya, Federica Agnese, 29, yang berasal dari Rom, Itali.

Katanya, dia sudah dua tahun tinggal di situ untuk melakukan kajian bagi pengajian Doktor Falsafah (PhD) Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik UUM.

"Selama di Sri Lovely, saya mempelajari banyak perkara mengenai pertanian padi organik termasuk cara tanaman di dalam polibeg. Di sini kaedah penanaman padi berbeza dari tempat lain iaitu melalui prinsip penyuburan tanah, pembenihan, penanaman, pembajaan dan pengaliran serta tidak membunuh serangga dan organisma baik dalam tanah.

"Semua prinsip ini terbukti berdaya apabila pelaksanaannya memberi kesan positif menerusi hasil ruelan, beras lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta penjagaan alam sekitar.

"Walaupun saya bekerja di bawah panas terik serta hujan, saya sudah tahu mencedung, melandak sehingga mengerat pokok padi secara tradisional. Semuanya sangat berbaloi dan saya merancang mengaplikasikan inovasi ini selepas pulang ke Itali," katanya merancang menulis tajuk kajiannya itu sebagai *Monitoring Farmer Field School in Malaysia*.

Sementara itu, ladang Sri Lovely mendapat perhatian pengkaji, pelajar dan pengunjung dari seluruh dunia termasuk Belgium, Perancis, Itali, Arab Saudi, Jepun, Aus-



ZAKARIA menunjukkan beras organik yang ditanamkannya.



"Walaupun saya bekerja di bawah panas terik serta hujan, saya sudah tahu mencedung, melandak sehingga mengerat pokok padi secara tradisional, semuanya sangat berbaloi!"

Federica Agnese



ANTARA pelajar luar negara yang menjalankan kajian padi organik dalam polibeg di Sri Lovely Organik Farm.